

NO. SOALAN : 159

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR [SILAM]
TARIKH :
SOALAN : 160

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membaik pulih bangunan dan meningkatkan jumlah staf Hospital Lahad Datu terutama Doktor Pakar dan staf jururawat, memandangkan Hospital Lahad Datu menjadi salah satu Hospital yang menjalankan Latihan Siswazah (Housemanship).

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian telah mengambil maklum berkenaan isu keretakan di Blok Bangunan Hospital Lahad Datu yang dikenalpasti berpunca daripada masalah mendapan tanah di sekitar bangunan hospital sejak siap dibina. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini telah memohon pakar struktur pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk menjalankan penyiasatan serta pemeriksaan terperinci ke atas struktur bangunan hospital berkenaan dan

seterusnya mengesyorkan langkah pembaikan yang sesuai bagi menangani masalah tersebut. Buat masa ini, Kementerian melalui pihak syarikat konsesi penyelenggaraan yang dilantik giat melaksanakan aktiviti pemantauan dari semasa ke semasa terhadap struktur dan menjalankan pembaikan minor terhadap bangunan tersebut sementara menunggu syor pembaikan daripada pihak JKR.

SOALAN (160)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR
[SILAM]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR [SILAM] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam membina semula balai bomba Lahad Datu, memandangkan balai bomba sedia ada tidak memenuhi piawaian tapak balai bomba dan peningkatan jumlah penduduk.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah membuat permohonan pembinaan balai bomba baru di Lahad Datu dalam RMKe-11 *Rolling Plan* Kedua tahun 2017. Sekiranya permohonan projek balai tersebut diluluskan, pembinaan dijangka akan dimulakan pada bulan Julai 2017.

Pada masa sama, JBPM juga telah diluluskan perolehan tanah bagi tujuan pembinaan balai bomba baru di kawasan Felda Sahabat, Lahad Datu dalam RMKe-11 *Rolling Plan* Pertama tahun 2016 dengan kos sebanyak RM500,000. Pembinaan balai bomba baru di kawasan Felda Sahabat akan dipohon dalam RMKe-11 Tahun 2018.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2016